



## TAJAAN PENDIDIKAN DERMASISWA KHAS PENGAJIAN TINGGI SELANGOR 2026

### SYARAT AM

Pemohon mestilah terdiri dari Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Pemohon, ibu dan bapa Warganegara Malaysia / Pemastautin Tetap.
2. Pemohon lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Pemohon lahir dan menetap di Selangor/bermastautin dan masih menetap di negeri Selangor lebih dari satu (1) tahun; **DAN**
3. Bebas daripada penyakit kronik / berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan (surat pengesahan doktor).

### SYARAT AKADEMIK

1. Terbuka kepada calon Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2025.
2. Memperolehi pangkat **JAYYID JIDDAN** di dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2025;
3. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia** dan **LULUS** dalam mata pelajaran **Bahasa Inggeris**; **SERTA** sekurang-kurangnya **Gred B** bagi mata pelajaran Bahasa Arab.

### CARA MEMOHON

1. Permohonan secara dalam talian <https://epengajiantinggi.jais.gov.my> bagi **sesi 1** bermula pada **4 April 2026** dan **sesi 2** pada **3 Ogos 2026**.
2. Tarikh tutup permohonan bagi **sesi 1** pada **22 Mei 2026 (Jumaat)**, **sesi 2** pada **5 Oktober 2026** (Isnin) jam **12.00 Tengah Hari**.
3. Setiap pemohon akan dinilai berdasarkan pengiraan Had Kifayah yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS).

4. Pemohon yang telah berjaya akan dihubungi untuk sesi ujian bertulis dan temuduga.
5. Sekiranya pemohon tidak mendapat jawapan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tutup, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.
6. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Pengajian Tinggi & Sepanjang Hayat, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS di talian **03 5514 3400 sambungan 2035** atau **whatsapp ke 010-3437054** atau email [uptshbpi@jais.gov.my](mailto:uptshbpi@jais.gov.my)